

# Perkembangan Pemikiran dalam Falsafah Islam

Orang-orang Islam tak membuat rekod kemajuan yang begitu pesat dalam bidang falsafah seperti mana di dalam lapangan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain, tetapi mereka telah membaharui dalam bidang falsafah dengan lebih radikal juga, sebab orang Islam telah mengkaji falsafah Hindi, menganalisa pemikiran falsafah bangsa Greek (Yunani), yang mana dengan itu orang-orang Islam menerima kesan dan aliran yang besar di dalam aspek itu. Pemikiran falsafah bangsa, itu, adalah dengan cara mendalam dan menyeluruh, tegasnya orang-orang Islam telah mengharungi segala aliran falsafah bangsa-bangsa zaman dahulu serta mereka mengkaji, membaharui dengan lebih lengkap dan sempurna, serta orang-orang Islam adalah membawa tamadun, pembangunan Eropah.

(Alih bahasa: Oleh Muhammad Yusuf)

## Golongan-golongan Ahli Falsafah Islam:

Aliran pemikiran di dalam bidang falsafah Islam adalah luas dan banyak, lebih-lebih lagi di dalam bidang wahyu, akal fikiran, pembaharuan alam dan kejadian segala perbuatan. Di sini boleh kita membahagikan ahli fikir (ahli falsafah Islam) kepada beberapa golongan yang berikut:

1. Ahli *Mutakalimūn* (berpegang kepada konsep tawhid

Islam) golongan ini terdiri daripada

(A) Ahli al-Mu'tazilah: Ahli kajian mementingkan akal fikiran (*al-Madrasah al-'Aqliyah*).

(B) Ahli al-Ashā'irah: Ahli kajian mementingkan dalil shar'ī (*al-Madrasah al-Naqliyah*).

2. Golongan ahli tasawuf Islam.

3. Golongan ahli falsafah (filsuf) Islam.

Dengan lebih lanjut saya jelaskan tiap daripada

golongan tersebut dengan *detail* lagi:

### I Ahli *Mutakalimūn*

#### 1. Daripada golongan Mu'tazilah:

Bahawa perkembangan pemikiran falsafah di dalam Islam adalah bermula disebabkan timbulnya golongan Mu'tazilah.

Mereka inilah pelopor yang melahirkan aliran falsafah di dalam Islam, di antara asas falsafah mereka seperti berikut:

1. Wahyu dan akal: Keduanya punca bagi pengetahuan dan pengenalan (*ma'rifah*), keduanya mestilah berseimbang tanpa ada berlebih kurang antara satu sama lain.
2. Alam ini adalah baru – tidak kekal buat selama-lamanya, dan alam ini ada mula dan ada akhirnya.
3. *Jawhar* (atom atau sel) negara-negara yang boleh dikenal dan diketahui.
4. Wujud (ada) adalah satu sifat sahaja, ia boleh diadakan atau ditiadakan.
5. Allah itu satu sahaja.
6. Alam ini semuanya baru dan Allah adalah menjadikan seluruh alam ini.
7. Allah tidak menjadikan perbuatan manusia, yang mana manusia sahaja yang menjadikan perbuatannya.
8. Keadilan adalah kemuncak sifat-sifat kejadian alam ini.

## Perkembangan Pemikiran...

9. Tak ada di sana syafaat bagi para-para nabi, dan para-para *ṣidīqīn*.

Guru-guru yang paling masyhur tentang pemikiran falsafah dan kemajuan alam pemikiran yang logik ialah Wāsil bin ‘Atā’ (748 M), al-Nizām (745 M) dan al-Jāhīz (868 M), yang mana keduanya di dalam zaman pertengahan kurun 10, dan al-Nizām adalah seorang ahli fikir Islam yang sangat memberi kesan dan pengaruh yang besar sekali orang-orang Islam.

### 2. Puak al-Ashā‘irah:

Lahirnya pemikiran falsafah puak al-Ashā‘irah ini sebagai satu natijah bagi perkembangan akal fikiran yang telah dilalui oleh puak al-Mu‘tazilah, sebab golongan Mu‘tazilah ini mempengaruhi fikiran ulama Islam yang mencuba mempersuaikan antara pendapat akal fikiran dengan dalil shara‘, dan dengan itu puak al-Ashā‘irah (*Madrasah Naqliyah*) tak tumbuh di satu tempat dan di suatu masa sahaja, malahan ia lahir di sana sini, yang mana golongan ini cuba menolakan penipuan puak Mu‘tazilah, di antara tokoh puak-puak al-Ashā‘irah itu ialah: Ibnu Ḥazm di Andalus, al-Ṭahāwī di negeri Mesir, Abū Manṣūr al-Māturīdī di Samarkand, al-Ash‘arī di negeri Iraq.

Manakala puak al-Ash‘arī merintis jalan perdebatan yang telah diasaskan oleh puak al-Mu‘tazilah; bertujuan untuk membolehkan mereka memerangi serta mematahkan dalil yang dikemukakan oleh orang yang menentang mereka. Di dalam hubungan itu mereka (puak al-Ashā‘irah) telah membincang beberapa fakta tentang *mawdu‘* yang berikut:

1. Punca *ma‘rifah*
2. Kejadian segala perbuatan.
3. Perkara-perkara kemusykilan tentang *sifāt al-ma‘ānī*.

4. Dan teori-teori tentang atom atau sel-sel (*jawhar al-fard*).

## II Golongan Ahli Tasawuf Islam

Golongan yang kedua: Di dalam bidang pemikiran falsafah Islam selepas golongan al-Ashā‘irah dan al-Mu‘tazilah ialah golongan ahli tasawuf Islam, golongan ini terbahagikan kepada puak:

1. Satu puak yang beriman dengan keEsaan Allah yang menciptakan alam ini.
2. Satu puak yang beriman dengan keEsaan wujud ini, yang menolak pendapat mengatakan alam ini daripada tiada.

Ada setengah ahli tasawuf Islam telah dipengaruhi oleh aliran falsafah yang bukan Islam seperti aliran falsafah Aflatūn – Phytagorihyah, al-Gnostiyah dan aliran bawaan Masīhiyyah. Ada setengah daripada mereka dipengaruhi oleh kesan-kesan falsafah al-Zarādashatīyah, al-Mānūwīyah, al-Hindūkiyah dan al-Būddhiyah.

Ahli tasawuf Islam berpendapat bahawa wahyu itu adalah punca yang pertama bagi mengenal Allah, dan mereka ini menitikberatkan tentang pembersihan jiwa yang halus, dan jalan ke arah mencapai tujuan itu dengan perasaan kasih sayang kepada Allah yang mencipta dan mentadbirkan alam ini.

Di antara ahli tasawuf Islam yang masyhur ialah, ‘Umar bin Abī Ṭālib (barangkali ‘Alī bin Abī Ṭālib-p.) (661M) al-Junīd (910 M), al-Qashīrī (1240) Abd al-Qādir al-Jīlānī (1166M), Ibnu ‘Arabī (1240 M) dan Nizām al-Dīn ‘Aliyā (1324 M).

## III Golongan Ahli Falsafah Islam

Golongan yang terakhir di dalam bidang pemikiran Islam ialah ahli falsafah (filsuf), mereka ini menghidupkan serta membangunkan peradaban, kebudayaan, aliran

### Perkembangan Pemikiran...

hikmah, falsafah dan ilmu pengetahuan bangsa Yunani yang hampir hilang daripada alam ini – tegasnya dengan melalui ahli falsafah Islam itulah segala kesan aliran falsafah, kebudayaan, peradaban Yunani itu tersiar dengan meluas di sebelah barat dan di sebelah timur.

Di antara ahli filsuf Islam yang termasyhur ialah: al-Kindī (873 M) al-Fārābī (950 M) Ibnu Miskawayh (1039 M) Ibnu Sinā (1037 M) Ibnu al-Haytham (1039 M) Ibnu Majah (1138 M) Ibnu Ṭufayl (1185 M) dan Ibnu Rushd (1198 M).

Ahli-ahli falsafah yang tersebut itu bukanlah hanya menitikberatkan tentang pengkajian falsafah pemikiran tentang aliran falsafah sahaja, malahan mereka menulis tentang perkara-perkara yang lain dan menitikberatkan juga ilmu pengetahuan yang dipelajari oleh puak al-Mutakalimūn ini

seperti al-Kindī, beliau mahir dan menulis tentang ilmu falak (astronomi), matematik, muzik, ilmu kimia, ilmu jiwa, dan politik. Dan seperti Ibnu Sinā mahir dan menulis tentang ketuhanan, ilmu latihan rohani, ilmu falak, ilmu kedokteran, politik, ilmu jiwa dan ilmu biologi. Manakala Ibnu al-Rushd pula menulis tentang sains, ilmu falak, kedokteran dan sebagainya.

Tegasnya, di peringkat permulaan ahli falsafah Islam menitikberatkan dan mempersesuaikan antara pemikiran falsafah Islam dengan aliran falsafah Arastū dan Aflāṭūniyah, dan punca yang utama di dalam makrifah di sisi ahli falsafah Islam itu ialah akal fikiran dan wahyu.

Saringan daripada buku Arab yang bertajuk

*“Dirāsāt fī al-Ḥadhārat al-Islamiyyah”*

Karangan: al-Doktor Ahmad Shalbī.

Sudah terbit!

Cetakan baru

## Sembahyang RasuluLlah (Oleh al-Ustaz Abu Bakar Ashaari)

Sebuah buku pedoman mengerjakan ibadah sembahyang mengikut cara-cara sembahyang yang telah dilakukan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda kepada hadith baginda yang berbunyi:

*Sallū! Kamā ra’aytumūnī usallī.* Ertinya “Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat aku sembahyang”.

Pesannya kepada:

QALAM

Sebuah \$3.00

8247 Jalan 225

Belanja Post 20 sen.

Petaling Jaya Selangor